

Dasar perubahan negara

SWASTA-AWAM DIRANGKA MAIN PERANAN

KUALA LUMPUR 25 April — Kerajaan telah merangkakan supaya sektor awam dan swasta memainkan peranan yang saling melengkapi (complementary roles) bagi menjayakan dasar perubahan negara dalam pembangunan perkhidmatan kesihatan, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad. Perdana Menteri berkata, selain dengan pendekatan baru di mana sektor swasta berperanan semakin meluas di bawah Rancangan Malaysia Kelima, kerajaan juga telah menggariskan peranan yang lebih penting kepada pihak itu bagi menyediakan keperluan perubatan kepada penduduk negara ini. Sehubungan dengan itu, beliau mengumumkan bahawa kerajaan telahpun mengenalpasti beberapa perkhidmatan perubatan yang mungkin diswastakan untuk memberi galakan kepada sektor perubatan

swasta memainkan peranan yang lebih kepada penduduk pada masa depan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menggariskan bahawa untuk beberapa tahun akan datang, kerajaan akan:

- Meneliti kemungkinan memajak sebahagian atau keseluruhan hospital awam kepada sektor swasta,
- Mengkaji kemungkinan membenarkan doktor swasta bekerja di hospital awam mengikut jadual tertentu, dan
- Menggalakkan penubuhan organisasi pengurusan kesihatan sebagai satu langkah bagi meningkatkan kecekapan pengendalian serta menyusun sektor perubatan swasta supaya ianya berkesan membantu kemudahan - kemudahan kesihatan awam. Setakat ini terdapat beberapa perkhidmatan bukan perubatan seperti dobi, penyediaan makanan dan penyelenggaraan hospital tertentu yang

telah diswastakan seperti Hospital Lady Templer di sini yang telah dipajakkan kepada sebuah syarikat swasta, katanya.

Perdana Menteri menegaskan: "Apa yang saya katakan jadi jelas menunjukkan cita-cita kerajaan untuk memberi galakan kepada sektor perubatan swasta untuk memainkan peranan yang lebih kepada penduduk negara ini pada masa hadapan."

Mutu

"Terpulanglah kepada doktor perubatan swasta untuk membuktikan bahawa mutu perkhidmatan perubatan negara ini bukan saja dipertahankan tetapi ditingkatkan," katanya dalam ucapan kepada majlis makan malam Persatuan Doktor - Doktor Perubatan Malaysia (MMA) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin perkhidmatan perubatan swasta keseluruhannya mempunyai kemampuan untuk memainkan peranan yang lebih penting dalam memenuhi keperluan - keperluan perubatan bagi rakyat negara ini.

Menurutnya, pengamal perubatan swasta (*private practices*) sama ada perseorangan atau kumpulan, rumah-rumah rawatan atau rumah-rumah bersalin, telah membuktikan keupayan untuk berkembang dengan pesat sepanjang tahun-tahun lapan puluhan ini.

Di samping itu, sehingga pada tahun 1984, katanya, 54 peratus daripada jumlah bilangan doktor di negara ini terdapat di sektor swasta.

Yang di-Pertuan Agong dan isteri Perdana Menteri, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah turut hadir di majlis tersebut.